

02/11/2000

Penurunan indeks komposit BSKL perkara biasa: PM

BANGI, Rabu - Penurunan pasaran saham tempatan selepas pembentangan Belanjawan 2001 adalah fenomena biasa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, sudah meramalkan pasaran saham akan mengalami penurunan.

"Ini diramalkan oleh Tun Daim yang menyatakan bahawa prestasi pasaran saham adalah baik sebelum Belanjawan tetapi selepas Belanjawan (dibentangkan), ia akan turun.

"Dia (Tun Daim) sangat bijak, dia tahu. Apabila saya tanya dia hari ini mengenai penurunan indeks (komposit) saham, Tun Daim kata dia sudah memberitahu saya sebelum ini (mengenai fenomena itu).

"Sekarang saya baru ingat, dia pernah memberitahu perkara itu," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan seranta dan bantahan awam draf rancangan tempatan Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas penurunan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada hari Belanjawan 2001 dibentangkan oleh Daim, Jumaat lalu, diikuti Isnin dan semalam.

Bagaimanapun, pada jam 5 petang ini, Indeks Komposit yang mengekori pergerakan saham mewah di BSKL dan dijadikan penanda aras, ditutup 5.76 mata lebih tinggi kepada 758.12.

Jumaat lalu, indeks komposit itu jatuh 5.14 mata untuk ditutup kepada 791.08 mata, diikuti penurunan 16.77 mata kepada 774.31 mata Isnin lalu dan semalam pula ditutup pada 752.36 mata, turun 21.95 mata.

Penganalisis pasaran menyifatkan penurunan mendadak selama tiga hari berturut-turut itu kerana 'gangguan' oleh berita yang diharapkan tetapi tidak menjadi kenyataan berkaitan cukai korporat yang tidak diturunkan dan levi keluar bagi keuntungan portfolio asing dikekalkan pada 10 peratus.

Pasaran hari ini sebaliknya ditutup lebih teguh selepas dagangan turun naik ekoran sedikit sokongan belian pada saat-saat akhir sesi dagangan.

Pasaran yang menyaksikan peningkatan pada sesi pagi dengan belian terpilih di kaunter-kaunter mewah dan kaunter berkaitan pembinaan, terpaksa bergelut dengan penjualan habis-habisan pasca Belanjawan sebelum muncul belian saat-saat akhir di kaunter mewah seperti Tenaga Nasional.

Ini mendorong kenaikan harga saham ketika ditutup.

(END)